

Dasar integriti capai matlamat

BH-29/5/2007

Ketua Pengarah KDRM mahu pegawai terap budaya kerja bersih



Bersama Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Datuk Seri Abdul Rahman Abdul Hamid

Oleh Saufi Hamzah

Sejak KDRM memperkenalkan sistem saman perilaku, kualiti dan pengurusan yang ada kaitan dengan disiplin, sejauh mana Datuk Seri melihat keberkesanan sistem dan berapa banyak saman yang sudah dikeluarkan.

Saman pengurusan yang dikeluarkan KDRM ialah mekanisme kita menegur kakitangan. Saya dapati masalah kita bukan tak ada peraturan, tetapi ia bukan tradisi kita rasa selesa untuk menegur. Kita memang suka memuji, tetapi bila nak menegur kita tak upaya, ia budaya dalam banyak agensi termasuk KDRM. Jadi, saman pengurusan, perilaku dan kualiti adalah satu mekanisme jabatan untuk memberitahu pegawai mengenai kesalahan dan kesilapan yang sudah dilakukan serta menunjukkan pengurusan tahu kesalahan dibuat dan memantau kesalahan itu. Pegawai yang terima saman ini boleh menjadikan ia isyarat bahawa (kesalahan) dia bukanlah dibiarkan begitu saja.

Pada peringkat awal, sistem saman ini agak memeranjatkan (kakitangan). Tetapi bila kita beritahu cara pelaksanaan, ia boleh diterima dan kesannya agak ketara di mana kesalahan yang mudah, misalnya baju tak kemas ditegur, duduk lama di kantin ditegur, tandas kotor ditegur. Jadi saya dapati soal disiplin dan perilaku mula dapat dikemaskan... begitu cepat kesannya... pergi kantin, dah kurang orang Kastam, dah tak duduk lama di kantin. Datang ke pejabat dengan selipar, tinggalkan kasut di pejabat, tak ada dah dan saya tengok kakitangan lebih kemas, bersih bahkan dah jadi mekanisme yang sangat efektif.

Setakat ini saya dapati ada 55 saman dikeluarkan sehingga Mac lalu membabitkan pejabat sekitar Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan ibu pejabat, tapi ada negeri yang tak saman terus, dah mula menegur dan ia satu perkara yang positif.

Selepas berpuashati dengan pelaksanaan sistem saman, apa lagi penambahbaikan bakal diperkenalkan

Kita di KDRM ada dasar pembangunan lima tahun berasaskan Integriti, Core Business, Teknologi dan Rakyat (ICRTR). Dalam integriti, definisinya ialah pegawai nampak bersih dan tak rasuah, bersih dari segi perilaku, penampilan pergaulan, berbau bersih dan reputasi bersih. Mengikut agenda pembangunan integriti ini, kita melaksanakan banyak program, misalnya saman pengurusan, perilaku, kualiti, yang lain seperti pegawai contoh 'tiru macam saya' yang diiktiraf Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO).

Kita ada kempen 'tak nak hamper' pada waktu perayaan, kemudian ada beberapa dasar standard kualiti seperti majlis kastam. Mesyuarat pegawai kastam pula tidak boleh diadakan di hotel kecuali mesyuarat pengarah. Kita buat program guna kemudahan jabatan sendiri. Ini satu dasar integriti, dasar tidak ada penaja untuk program KDRM.

Jadi perkara ini saya selesa lihat perubahan sudah semakin baik dan pengurusan bersungguh-sungguh menunjukkan kita sebagai model dan harap contoh yang kita buat dapat diterima sebagai isyarat hala tuju KDRM.

Pencapaian program 'core business' atau perniagaan teras KDRM.

Ini adalah program untuk memperkayakan core business kita. Kita nak pegawai KDRM jadi pakar, mahir dan menguasai core business. Ada program dalam pelan tahunan kita, antaranya pembangunan tenaga manusia. Kita ada konsep e-learning iaitu pegawai boleh belajar mengenai ilmu kastam menerusi 153 modul, kedua ada program belajar sepanjang hayat iaitu pegawai boleh melanjutkan pengajian kastam pada peringkat sijil, sehingga doktor falsafah (PhD) hasil kerjasama KDRM dengan Universiti Utara Malaysia.

Julai ini ada 40 orang pegawai rendah akan mengikuti pengajian ijazah di Akademi Kastam, 20 orang mengikuti program sarjana dan lima orang PhD. Ada konsep 'pekerja kolar emas' iaitu melahirkan pegawai berilmu yang kita tingkatkan pengetahuan melalui skim ini.

KDRM sudah berjaya mengutip cukai sebanyak RM7 bilion bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini. Apakah Datuk Seri yakin kutipan itu mencecah angka RM25 bilion seperti disasarkan.

Sebenarnya ada tiga faktor yang menentukan kutipan hasil KDRM setiap tahun. Satu, faktor dasar percukaian tahunan yang ditetapkan kerajaan, apa barang yang dinaikkan cukai, apa barang yang dikurangkan cukai dan yang dikecualikan cukai. Ini mempengaruhi berapa banyak cukai dikutip kerana KDRM adalah agensi pelaksana.

Kedua, bergantung kepada pengguna atau pasaran iaitu banyaknya cukai yang dibayar kepada kerajaan bergantung kepada pendapatan syarikat. Misalnya lima peratus cukai perkhidmatan ke atas pendapatan syarikat itu, kalau syarikat dapat jualan meningkat maka bertambahlah cukai yang dibayar kepada KDRM.

Begitu juga cukai jualan, jika banyak kereta diimport dan banyaknya juga kereta yang dibeli di pasaran tempatan, maka banyak cukai terpaksa dibayar kepada KDRM walaupun kadarnya sama. Jadi faktor ekonomi negara sangat penting, prestasi ekonomi mempengaruhi kutipan cukai Kastam.

Ketiga, usaha KDRM seperti mencegah penyeludupan, berapa banyak pelesen baru dan cukai jualan baru yang dapat kita lenakan. KDRM sejak awal tahun dengan menambah pelesen baru, kejayaan penguatkuasaan yang begitu baik, kita boleh capai sasaran RM25 bilion berasaskan faktor sekarang.

Berdasarkan tindakan agresif untuk tambah kutipan cukai, banyak syarikat dilesenkan. Pada pemerhatian KDRM sama ada masih banyak lagi syarikat yang belum berlesen.

Ini yang kadangkala memerlukan KDRM mencari pendekatan lebih baik. Bila kami buat operasi yang kita namakan "Operasi Mesra" pegawai beri penerangan terlebih dulu, tetapi kita hadapi masalah hinggan borang kastam dikoyak di depan pegawai, kita dikurung dan pelbagai tindakan yang bertujuan tak mahu bayar cukai. Walaupun ini kita dapat atasinya, ia tidak menggembirakan saya.

Kejayaan KDRM dalam rampasan kereta mewah yang mengelak daripada cukai begitu memberangsangkan. Apakah hasil lelongan kereta mewah turut membantu KDRM meningkatkan hasil.

Banyak aspek penguatkuasaan berjaya termasuk kereta yang lari daripada cukai, nampak memberangsangkan. Sebenarnya hasil rampasan kereta setiap tahun tidak banyak, kira-kira RM148-RM160 juta. Tetapi kesan yang besar ialah rakyat, ke-



Strategi kena diubah dan yang penting ialah meletakkan orang yang mahir dan berupaya bertugas di satu tempat kerana kalau ramai orang tak mahir, dia tidak akan bekerja dengan baik, kena letak pegawai yang boleh bekerja dengan baik dan berintegriti "

Datuk Seri Abdul Rahman Abdul Hamid
Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia

sedaran rakyat. Misalnya, nilai kereta RM1 juta tetapi melalui lelongan kita dapat RM2.5 juta.

Namun, yang paling berjaya ialah persepsi masyarakat terhadap kerja KDRM dan ia kemudian akan disusuli dengan maklumat dan kerjasama orang ramai.

Memandangkan KDRM menggunakan teknologi terkini, sejauh mana keberkesanan penggunaan peralatan itu di kalangan pegawai selama ini.

Setakat ini, saya berpuas hati, tak nak ada alat banyak, duit rakyat kerajaan bagi, tapi tak jaga dengan baik. Kita sedang membangunkan kaedah penyelenggaraan terhadap bot baru supaya semua peralatan kerajaan dijaga dengan baik. Yang jelas, pegawai selesa dengan teknologi. Bahkan kita ada pertandingan reka cipta untuk generasi baru kakitangan mencipta sistem kerja.

Dari segi penguatkuasaan masa kini dianggap paling berjaya sehingga kita jadi Pengerusi Penguatkuasaan Asean mulai tahun lalu kerana peralatan dan sistem kita lebih canggih. Seperkara yang menarik, kita mempengerusikan mesyuarat integriti kastam sedunia mulai tahun ini kerana kejayaan yang dicapai selama ini.

Adakah pegawai KDRM mencukupi untuk bertugas di pintu masuk bagi menyekat penyeludupan di sempadan.

Kita tidak hadapi masalah dari segi kekurangan pegawai, yang mungkin ada masalah ialah meletakkan orang betul di tempat yang betul, dan jumlah pegawai mencukupi di tempat yang betul. Misalnya kita sangkakan kita letak ramai orang di lapangan terbang tapi pungutan cukai cuma 0.001 peratus daripada pungutan KDRM.

Kita perlu pendekatan baru, di mana kita boleh kekalkan keselamatan negara tapi tak perlu tenaga manusia yang ramai. Lorong hijau, letak kamera litar tertutup (CCTV). Kita mungkin perlukan ramai orang untuk penguatkuasaan tetapi sebenarnya yang kita kena jaga ialah mencegah, kena ubah strategi bekerja.

Strategi kena diubah dan yang penting ialah meletakkan orang yang mahir dan berupaya bertugas di satu tempat kerana kalau ramai orang tak mahir, dia tidak akan bekerja dengan baik, kena letak pegawai yang boleh bekerja dengan baik dan berintegriti. Orang boleh ganti dengan mesin dan sistem dengan syarat orang yang ada itu kena berintegriti.

Selepas kira-kira 700 pegawai naik pangkat, adakah berlaku banyak lagi kekosongan yang perlu diisi dan bila kemasukan kakitangan baru akan dibuat.

Saya jangka pada pertengahan tahun ini, semua peringkat pegawai akan melalui satu peluang kenaikan pangkat, sama ada dapat, layak atau tidak.

Sejak KDRM memperkenalkan gaya hidup sihat di kalangan pegawainya, apakah kejayaan paling signifikan setakat ini yang boleh dibanggakan oleh agensi ini.

Kami terima anggota kami sebagai rakyat, kita merakyatkan KDRM dengan falsafah kita kena jadi rakyat baik yang cintakan agama, bangsa dan tanah air sebelum kita jadi pegawai yang ada kewajipan pada negara. Sebab itu kita buat program rakyat, beri keutamaan segala aktiviti di kawasan perumahan yang ditadbir oleh KDRM sehingga lantik imam, bilal dan penghulu, beri mereka pejabat dan watahah. Kita iktiraf kegiatan kesenian, kebudayaan dan keagamaan.

Kita adakan pertandingan koir, nasyid, al-Quran, tarian tradisional bahkan ada kursus dan seminar penggiat seni kebudayaan untuk bina jati diri, kepada agama dan negara. Kita sediakan peruntukan mencukupi untuk kawasan perumahan ceria dan selesa. Tahun lalu RM10 juta dibelanjakan, tahun ini kita sediakan khemah untuk kenduri, peralatan yang diperlukan dan kemudahan riadah misalnya gim, futsal, taman permainan kanak-kanak, semua itu sudah dilaksanakan dengan jayanya. Tahun ini ada RM15 juta untuk penyelenggaraan.

Persoalan pegawai dan kakitangan yang terbabit dengan rasuah. Apa komen Datuk Seri.

Isyarat yang saya beri, kita kena patuh. Isyarat dari segi, saya menolak rasuah, mana-mana pegawai yang disiasat oleh mana-mana badan, saya beri kerjasama sepanjang siasatan. Tak ada apa-apa nak disembunyikan.

Mereka yang langgar disiplin, tindakan dibuat dengan cepat, ada yang serta merta. Kalau satu unit terbabit, kita tukar semuanya. Ini sudah dibuat dan ini saya sedar ada orang tak selesa, tapi seperti ibu saya pernah didik saya, kadangkala dia pujuk, kadangkala dia pimpin tapi saya pernah dirotan, bukan perasaan saya benci tapi nak betulkan dan kewajipan saya perlu lakukan dan saya tidak kisah kepada populariti, saya kakitangan kerajaan. Soal awak tidak suka saya, itu soal perasaan, bagi saya, saya hanya melaksanakan tugas.